

19 NOV 2000

LID-GLOBALISASI

CHISSANO GUNA PERKONGSIAN BESTARI HADAPI CABARAN GLOBALISASI

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano menyatakan perpaduan negara-negara membangun menerusi Pergerakan Perkongsian Bestari akan membolehkan mereka membuat persediaan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Menerusi perkongsian seumpama itu, negara-negara anggota boleh menyertai dalam globalisasi dengan kekuatan, kebijaksanaan dan kawalan sepenuhnya matlamat yang mahu dicapai, katanya.

"Kami akan terus berusaha mendapatkan kerjasama daripada rakan kongsi bestari kami dari negara-negara maju seperti apa yang telah kami lakukan ketika perjuangan pembebasan menentang globalisasi kolonial," kata Chissano di majlis pembukaan Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 di sini di mana tema utamanya adalah perkongsian bestari.

Tajuk ucapannya adalah "Melangkah Kehadapan dari Maputo SAID 2000."

Majlis pembukaan didahului dengan majlis makan malam yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ketua-ketua negara dan kerajaan daripada beberapa negara Afrika termasuk Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe dan Presiden Dr Sam Nujoma dari Namibia.

Beliau berkata perpaduan serantau untuk menggabungkan sinergi, sumber semula, pengetahuan dan pengalaman bagi pembangunan harmoni negara-negara dan rantau mereka akan menempatkan mereka di kedudukan lebih baik bagi menghadapi arus globalisasi.

Chissano, di mana negaranya menjadi tuan rumah kepada Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) pada Ogos berkata liberalisasi perdagangan dunia dan kepincangan sistem kewangan antarabangsa telah menjadikan negara-negara membangun mudah lemah kepada pengaruh negatif globalisasi.

Beliau juga berkata penting bagi mereka untuk menguasai Teknologi Maklumat (IT) bagi membolehkan mereka menyertai proses globalisasi kerana IT begitu mustahak bagi survival masyarakat.

Bagaimanapun, Chissano berkata kadar kemajuan pesat di mana IT berubah memerlukan peruntukan sumber yang besar bagi pembangunan, sesuatu yang tidak mampu ditampung oleh negara-negara membangun.

Justeru, Chissano berkata Perkongsian Bestari akan membantu mereka dalam mencapai matlamat-matlamat ini dan pada masa yang sama melindungi ciri-ciri dan kualiti istimewa serta identiti setiap negara.

"Jika kita bekerjasama, kita bukan sahaja dapat menangkis masalah globalisasi tetapi juga meingkatkan potensi untuk menyertainya di mana kebiasaannya kita sering dipintas oleh pihak-pihak yang percaya kita tidak layak untuk terbabit secara menyeluruh," tambahnya.

Chissano juga menggesa negara-negara yang menyertai untuk menubuhkan pusat kegiatan kebangsaan mereka sendiri yang membabitkan masyarakat untuk memperkenalkan, memaju dan menyebarkan konsep Perkongsian Bestari.

Beliau berkata tidak mudah untuk memajukan pusat kegiatan seumpama itu kerana tentangan semulajadi untuk berubah dan kadang-kadang dianggap sebagai ancaman kepada kuasa swasta dan keistimewaan.

"Bagaimanapun, ia penting kepada kemajuan sebenar dan akan berfungsi dengan sempurna hanya apabila kerajaan, pegawai-pegawai, ketua-ketua perniagaan, kesatuan perdagangan, NGO, pakar media, tokoh akademik, ahli politik, wanita, golongan belia dan kanak-kanak terlibat sebagai pemegang pegangan," tambahnya.

Chissano berkata pembincangan harus diubah menjadi satu program yang

kukuh dan ketara dan projek-projek, dan menambah sejak SAID di Maputo, pelaksanaan beberapa projek serantau di atas asas Perkongsian Bestari semakin mencatatkan kemajuan.

-- BERNAMA

AR SHY ZK